- Perkhemahan



Bengkel Keusahawanan bersama
Agensi Politeknik Zon Selatan –
Bengkel kraftangan bahan kitar semula



NECoR'11 – Ucaptama 1 oleh Pn Halimah
bt Che Hassan, Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, JPP.



Seminar Politeknik Port Dickson



Bicara Usahawan



Bengkel Keusahawanan bersama Agensi
Politeknik Zon Selatan – Bengkel ferro-cement.

Sejarah Penubuhan

PUSPANITA PPD telah ditubuhkan pada 18 september 2006. Ia telah diterajui oleh Puan Hajah Melor binti Abdul Manaf selaku pengerusi yang pertama bersama-sama dengan 35 orang ahli yang terdiri di kalangan staf wanita PPD. Mesyuarat Agung Pertama telah diadakan pada 30 Mac 2007. Sejak itu keahlian turut juga dibuka kepada isteri staf pejawat awam. Sehingga kini jumlah keahlian adalah seramai 255 orang. Penubuhan PUSPANITA PPD adalah di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan cabang kecil PUSPANITA Jabatan Pengajian Politeknik (JPP).

Motto

Motto PUSPANITA PPD ialah "Seiring Memperkasakan Perpaduan Menjana Kecermerlangan"

Objektif

1. Melaksanakan program untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ahli
2. Menjalankan aktiviti untuk kebajikan ahli dan merapatkan hubungan silaturrahim sesama ahli.
3. Bekerjasama menjayakan program-program dengan PUSPANITA KPT dan PUSPANITA JPP
4. Bekerjasama dengan pihak pengurusan Politeknik Port Dickson untuk aktiviti-aktiviti yang diarahkan dari masa ke semasa

Perancangan Masa Hadapan

PUSPANITA PPD berhasrat untuk memperbanyakkan aktiviti-aktiviti yang berfaedah untuk kebajikan ahli-ahlinya. Sokongan dari pihak pengurusan dan warga PPD amat diperlukan untuk memantapkan lagi PUSPANITA PPD.



Jawatankuasa PUSPANITA PPD 2011 diketuai oleh Puan Siti Ruhana Riduan selaku pengerusi Puspanita

Bil.	Ativiti	Tarikh	Tempat
1.	Kursus Solekan dan Andaman		Kolej Komuniti Rembau
2.	Kursus Menjahit Manik		Bilik Tayangan UPIM, PPD
3.	Penyertaan AGM PUSPANITA Cabang PPD	04 Mac 2011	Putrajaya
4.	Kursus Bakery	14 – 15 Apr 2011	Kolej Komuniti Masjid Tanah
5.	Penyertaan Seminar Roof Top Garden	23 Jul 2011	Politeknik Jeli
6.	Majlis Bersama Menteri	22 Sept 2011	Politeknik Port Dickson
7.	Program Bersama Anak Yatim Rembau	30 Okt 2011	Taman Desa Permai Kundur, Rembau
8.	Lawatan Sambil Belajar ke Ho Chin Min	14 – 17 Dis 2011	Ho Chin Min, Vietnam
9.	Kursus Microsoft Publisher	15 Dis 2011	Makmal Komputer JKM,PPD



Program amal bersama anak yatim rumah Peyakin, Rembau



Kursus bakery di Kolej Komuniti Masjid Tanah

BERITA KEJAYAAN

PAM-CIS STUDENT AWARDS 2011






Sukacita dimaklumkan bahawa seramai 16 pelajar dan 2 pensyarah PPD yang diketuai oleh Ahli Jawatankuasa Pendidikan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) iaitu Encik Shahrul Kamil Yunus telah menghadiri Pameran Peringkat Kebangsaan 2011 anjuran PAM pada 2 hingga 9 Oktober 2011. Semua IPTA dan IPTS yang mempunyai program Senibina mempersembahkan hasil kerja pelajar mereka. Salah seorang pelajar PPD, Mohammad Hazwan Abdul Rahman (06DSB08F2012) telah dipilih sebagai salah seorang penerima PAM-CIS Student Awards 2011. Beliau turut menerima Anugerah Kepimpinan Pelajar pada Malam Anugerah Senibina Bersama PAM, 3 November 2011.


FESTIVAL KEBUDAYAAN DAN WARISAN POLITEKNIK MALAYSIA 2011

Pada 15 hingga 17 Julai 2011, PPD telah menyertai Festival Kebudayaan dan Warisan Politeknik Malaysia 2011. Pengurus kumpulan ini ialah Encik Mohamed Saim manakala pensyarah pengiring ialah Cik Norliza Johan dan Cik Rafidah Suib. PPD telah mendapat saguhati dalam acara Lagu Rakyat. Manakala kedua-dua acara Sukan Tradisional kategori Wau dan Sepak Raga Bulatan, dimenangi pasukan PPD.









FESTIVAL KEJURUTERAAN AWAM, SENIBINA DAN UKUR TANAH PERINGKAT POLITEKNIK MALAYSIA (ACELS 2011)

Sempena Festival ACELS 2011 yang telah berlangsung di Dewan Platinum, Politeknik Merlimau pada 31 Oktober hingga 1 November 2011, 3 penyertaan telah dihantar bagi Kategori Inovatif (Awam) dan 2 penyertaan Kategori Kreatif (Senibina). Festival ini disertai 12 pelajar JKA bersama 5 pensyarah pengiring iaitu Puan Zulzana Zulkarnain, Encik Mohamed Saim, Puan Noraziela Mokhtar, Puan Nornawarleili Nordin dan Cik Siti Nur Yusra Yusof.

Bagi Kategori Inovatif (Awam), wakil PPD yang dianggotai Mohamad Afiq Izzuddin Ishak, Mohd Amirul Ashraf Abdul Rahman, Nurfarahin Mohd Ariffin, Nor Hafizah Madzin, Asmalyana Reduan Berjaya menduduki tempat kedua dengan projek mereka, *Smart Concrete Compactor Machine*. Manakala dalam Kategori Kreatif (Senibina), Syed Muhammad Shuib Syed Yusoff dengan projek *Tourist Information Centre* menduduki tempat ketiga sekaligus merangkul anugerah Pembentang Terbaik.





FESTIVAL SENIBINA & REKACIPTA *'POLYTECHNIC DESIGN-FEST'*



Pada 26 hingga 29 September 2011, seramai 15 pelajar bersama 2 pensyarah Senibina PPD iaitu Cik Rafidah Suib dan Cik Nornawarlaili Nordin telah menyertai Festival Senibina & Rekacipta *'Polytechnic Design-FEST'* di Politeknik Ungku Omar. Mereka telah menjuarai kategori *Design Exhibition* dan menyapu bersih kategori *Tapestry Art Competition* dengan merangkul Johan, Naib Johan, Tempat Ketiga.





SMART ABLUTION SYSTEM DIPATENKAN

Sukacita dimaklumkan bahawa salah satu projek pelajar Politeknik Port Dickson iaitu *Smart Ablution System* telah dipatenkan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Mereka yang terlibat dalam penghasilan projek ini ialah Mastura Selamat, Mazni Kasbollah, Siti Nur Hafiza Muhamad Makpol, Mohd Aminur Rasid Mohd Ali, Zuraidah Sallehudein dan Muhammad Husni Ahmad.

GREEN PARK JKE

Teknologi Hijau merupakan agenda yang diberi keutamaan dan sokongan penuh dari pihak kerajaan. Selaras dengan perkembangan itu, PPD melalui JKE menyahut cabaran dengan merangka program baru yang bakal dilaksanakan pada sesi Jun 2012 iaitu Diploma Kejuruteraan Elektrik (Tenaga Hijau). Program ini mendapat pujian dan galakan daripada Lembaga Penasihat Kurikulum yang terdiri daripada pihak industri dan pihak universiti. Berhasrat menjadikan program ini sebagai *niche area* PPD, *Green Park* JKE yang berasaskan tenaga solar dan tenaga angin dibina sebagai permulaan. Menara *Hybrid Green Energy* didirikan bagi menghasilkan tenaga elektrik untuk menghidupkan lampu koridor Makmal JKE. Ia dirasmikan oleh Puan Halimah binti Che Hassan, Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, Jabatan Pengajian Politeknik pada 9 November 2011.







BENGKEL SENI BINA KEBANGSAAN KE-23

Pada 12 hingga 17 Jun 2011, PPD telah menyertai program Bengkel Seni Bina Kebangsaan di UTM, Skudai, Johor. Program ini telah disertai oleh seluruh pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Wakil Politeknik Port Dickson telah memenangi Pertandingan Fotografi dan aktiviti berkumpulan.

REX ARCHITECTURAL DESIGN COMPETITION 2011

Bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), telah berlangsung pameran peringkat antarabangsa iaitu "Rex Malaysia International Renovation Expo 2011" bermula dari 11 hingga 13 November 2011. Acara hebat ini dihadiri oleh perekabentuk profesional, pereka dalaman, arkitek, jurutera, pemaju dan juga media. Sebanyak 500 peserta pameran akan mempamerkan produk masing-masing untuk menerima hampir 80,000 pengunjung. Seramai 5 orang pelajar Politeknik Port Dickson juga telah dijemput bagi menyertai "REX Architectural Design Competition 2011" bagi mempamerkan hasil karya pelajar senibina untuk tatapan pengunjung dari dalam dan luar negara serta memberi peluang kepada pelajar mengenal rekaan dan hasil kerja pelajar dari IPTA/IPTS lain. Dengan usaha dan keyakinan yang tinggi PPD telah pun berjaya menduduki tempat ketiga dan membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM 500 beserta sijil penyertaan.









JALUR GEMILANG TERPANJANG PPD

Bagi menjayakan Bulan Kemerdekaan, JKE PPD telah menghasilkan Jalur Gemilang sepanjang 110 meter. Ia bermula pada 17 Ogos 2011 dengan para pelajar Polibriged JKE bersama para pensyarah mengukur dan menggunting kain berwarna putih dan merah. Pada 22 Ogos 2011 bertempat di Perkarangan Bangunan Pentadbiran, Majlis Perasmian Bulan Kemerdekaan dan Pemasangan Jalur Gemilang Terpanjang PPD ini telah dilancarkan oleh Mejar (K) Hj Mohd Kharir bin Mohd Ibrahim, Pengarah PPD. JKE juga telah menghantar penyertaan dalam Pertandingan Keceriaan Merdeka anjuran Kementerian Penerangan dalam kategori Bangunan Kerajaan dan berjaya mendapat saguhati.









JOHAN KATEGORI *ENDURANCE* GO-KART MSPM/KPTM

Pada 14 hingga 16 Oktober 2011, PPD telah menghantar satu pasukan di kejohanan Go-Kart MSPM/KPTM di Litar Antarabangsa Sepang. Dua kategori telah dipertandingkan. Pasukan PPD telah menjuarai Kategori *Endurance* iaitu 98 lap dalam 2 jam manakala dalam Kategori *Expert* iaitu 93 lap dalam 2 jam, mereka mendapat tempat ketiga.





NECOR'11 – KOLOKIUM PENYELIDIKAN PENDIDIKAN KEBANGSAAN 2011 (POLITEKNIK ZON SELATAN)

Selaras kewujudan Unit Penyelidikan, Inovasi dan Keusahawan (UPIK), pelbagai bentuk program telah dirancang bagi membudayakan penyelidikan, inovasi dan keusahawan di kalangan para pensyarah khususnya. Pada sesi Jun 2011 ini, salah satu aktiviti yang telah dijalankan ialah NECoR'11 iaitu Kolokium Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan 2011 (Peringkat Zon Selatan). Program ini telah dijalankan pada 2 hingga 3 November 2011. Pembentangan selama dua hari ini berlangsung secara selari di tiga buah dewan kuliah iaitu DK4, DK5 dan DK6. Sebanyak 60 abstrak telah diterima daripada Politeknik Zon Selatan dan juga dari beberapa Politeknik lain seperti Politeknik Kuching, Politeknik Sultanah Bahiyah. Setelah abstrak tersebut dinilai oleh Jawatankuasa Prosiding, sebanyak 40 kertas kerja layak untuk dibentangkan. Program sebegini diharap dapat dimanfaatkan oleh semua yang hadir dari segi perkembangan ilmu dan penerokaan hasil kajian pembentang pada kolokium tersebut.





14 KAMPUSKU

KKPPPTSM lonjak peranan politeknik memacu kemajuan negara





22 NS BARAT

RABU 20 JULAI 2011

Hulanisa Hasni
Nurulaiq Ahmad Bandi - 019-6203210, Nurazizila Latif - 01
Kawasan ini meliputi daerah Seremban, Port Dickson

Kurangkan indeks kemalanga

Antara tujuan JKJR anjur program keselamatan jalan raya di PPD libatkan pelajar

TELOK KEMANG – Jumlah penunggang motosikal yang mencecah ratusan di Politeknik Port Dickson (PPD) mendapat perhatian Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) untuk memberi pendedahan berkenaan program pendidikan dan penguatkuasaan keselamatan jalan raya di kalah menengah, kolej dan universiti bagi tempoh 2011-2012.

Timbalan Pengarah Sokongan Akademik Politeknik Port Dickson, Charim Ibrahim berkata, pendekatan itu sangat bertepatan dengan hasrat PPD terutama dalam mengurangkan indeks kemalangan dan kematian dalam kalangan pelajar.

Menurutnya, di PPD sebanyak 20 hingga 30 peratus pelajar menggunakan motosikal sebagai pengangkutan utama sama ada di dalam mahupun luar kampus.

"Melalui Jabatan hal Ehwal Pelajar (JHEP), PPD menguatkuasakan peraturan lalu lintas di dalam kawasan kampus.

"PPD mempunyai tanggungjawab memantau peraturan lalu lintas melalui Akta Keselamatan Pusat Pengajian Tinggi yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM)," katanya ketika berucap pada program itu, di sini.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Pelaksanaan JKJR Malaysia, Mohd Rusdi Mohd Darus; Pengarah JKJR Negeri Sembilan, Mohd Rusdi Ismail dan Timbalan Ketua Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah, Chief Inspektor Mazlan Mustafa.

Program yang disertai 1,000 pelajar PPD itu mendapat kerjasama daripada Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan.

Charim berkata, sepanjang tahun ini sudah berlaku beberapa kemalangan yang melibatkan pelajar PPD di luar kawasan kampus.

"Apa yang diresahkan oleh JHEP PPD, terdapat 600 hingga 650 penguna kenderaan motosikal di PPD daripada jumlah keseluruhan pelajar seramai 5,500 orang," katanya.

Beliau berkata, program itu adalah salah satu program kolaborasi dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang amat bermakna untuk dijalankan di institusi seumpama ini.

Katanya, program sosialan akan dilaksanakan di PPD dalam usaha mentransformasikan tahap kesedaran pelajarnya berkenaan kepentingan keselamatan jalan raya terutamanya melibatkan penggunaan topi keledar seperti yang dibenarkan oleh Sirim.



Mazlan (kiri) bersama Mohd Rusdi membetulkan ikatan topi keledar seorang pelajar pad program pendidikan dan penguatkuasaan keselamatan jalan raya.

Politeknik PD sokong kecemerlangan akademik



Peserta berkumpul bersama guru serta pensyarah Politeknik Port Dickson pada bengkel berkenaan.

TELOKKEMANG– Politeknik Port Dickson memainkan peranan dalam membantu institusi berhampiran dengannya untuk sama-sama mencapai kecemerlangan akademik.

Timbalan Pengarah Sokongan Akademik Politeknik Port Dickson, Charim Ibrahim berkata, pendekatan mengadakan Bengkel Pemantapan Persediaan Peperiksaan UPSR bagi modul Matematik dan bahasa Inggeris diadakan dalam mencapai ke arah matlamat tersebut.

"Melalui platform tersebut, pelajar atau peserta dalam dilatih menggunakan kemahiran, teknik dan strategi yang berkesan dalam pembelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris.

"Dalam masa yang sama mampu meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris berdasarkan setiap aktiviti yang dijalankan berikutan tidak tertumpu semata-mata di dalam kelas," katanya semasa berucap pada perasmian penutup bengkel berkenaan.

Pada program itu, seramai 40 pelajar darjah enam Sekolah Kebangsaan (SK) Telok Kemang yang mempunyai pencapaian sederhana dalam subjek Matematik dan Bahasa Inggeris membabitkan diri.

Charim berkata, melalui perlaksanaan program itu juga mampu memupuk semangat kerjasama kepakaran serta pengetahuan antara pensyarah Politeknik Port Dickson dengan agensi awam lain.

Lebih 2,000 sertai gotong-royong bersih kawasan sekitar Politeknik Port Dickson

TELOK KEMANG 2 Ogos - Lebih 2,000 orang mengambil bahagian dalam gotong-royong membersihkan kawasan anjuran Politeknik Port Dickson dekat sini, baru-baru ini.

Mereka terdiri daripada para pelajar dan tenaga pengajar politeknik tersebut, penduduk dan kakitangan Majlis Perbandaran Port Dickson serta Jabatan Kesihatan daerah.

Kawasan yang terlibat adalah sekitar politeknik berkenaan serta Taman Politeknik yang terletak berhampiran.

Pelajar jurusan Diploma Kejuruteraan Awam, **Haikal Ali Hussain**, 18, berkata, tujuan utama program itu



HAIKAL ALI



MOHD. TAUFIK



HAZRUL HELMI



NORLEHA



NURUL SYAZRINA



NURUL MAIZATUL

sekitar yang dapat menghindari sebarang penyakit seperti denggi.

"Bukan sekadar kebersihan sahaja yang diperoleh, malah, ia membuatkan hubungan antara kami sebeli kesedaran tentang kebersihan, aktiviti gotong-royong itu juga dapat memupuk disiplin diri.

"Setelah kita melihat sampah yang begitu banyak, kita akan lebih berdisiplin dengan membuang ke dalam tong sampah yang di sediakan," katanya.

Menurut **Norleha Durasman**, 18, dari jurusan Diploma Sains Kesetiausahaan, gotong-royong itu bukan saja wajib kepada semua pelajar semester satu tetapi melibatkan para pelajar senior dan para pegawai politeknik tersebut.

"Penglibatan mereka adalah sesuatu yang bermakna kepada pe-

Pelajar **Mohd. Taufik Abdul Samad**, 18, berkata, beliau gembira menyertai program itu kerana berpendapat mencegah adalah lebih baik daripada mengubati.

lebih baik kita bersama-sama melakukan aktiviti ini. Malah, hubungan persahabatan antara para pelajar juga semakin kukuh," ujarnya.

Sahabatnya, **Hazrul Helmi Ja-**

Pelajar terpilih jangan malu terima bantuan Koperasi

TELOK KEMANG – Koperasi Politeknik Port Dickson (PPD) Bhd yang beroperasi seusia penubuhan PPD ternyata sejak dulu lagi menjadi antara tunjang utama kajayaan kepada warga PPD khususnya pelajar.

Pengarah PPD, Mohd Khair Mohd Ibrahim berkata, pelajar terpilih menerima bantuan tidak perlu malu dan rasa rendah diri.

Menurutnya, ia adalah satu nikmat dan terima ia walaupun sedikit.

"Gunakan atau belanja-



Mohd Khair (tengah) bersama 130 pelajar PPD yang menerima sumbangan Koperasi PPD Bhd.

orang pelajar.

"Jumlah 130 pelajar ini telah diselidik latar belakang mereka yang benar-benar layak terima sumbangan ini.

"Untuk masa akan datang, pengurusan Koperasi PPD Bhd akan turun padang melawat ke rumah pelajar kurang berkemampuan. Jika layak, nama mereka akan direkodkan di Hal Ehwal Pelajar untuk diberikan dana secara berterusan sepanjang pengajian di PPD tanpa perlu memperbaharui permohonan," katanya.

Katanya, Koperasi PPD

lajar junior yang membuatkan pelajar junior berasa bangga dengan senior mereka," katanya.

Pelajar Diploma Teknologi Pembuatan, **Nurul Maizatul Alma Saiful**, 18, pula berkata, terlalu banyak sampah di sekitar kawasan perumahan itu.

"Sampah seperti bekas makanan, plastik dan putung rokok merupakan antara sampah yang paling banyak. Tasik di kawasan ini juga terlalu kotor," ujarnya.

4 | Isnin 21 Mac 2011 SENTRAL
BH PLUS 4C 21 (emel)

KORPORAT & KOMUNITI

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
tuty@bharian.com.my



FAISAL (kiri) menyampaikan sumbangan zakat Bank Islam berjumlah RM7,000 kepada Kharir (empat dari kanan).

Pelajar Politeknik terima zakat

Bank Islam prihatin bantu penuntut institusi pengajian tinggi

PORT DICKSON: Seramai 25 pelajar kurang berkemampuan di Politeknik Port Dickson di sini, menerima sumbangan zakat berjumlah RM7,000 daripada Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam).

Sumbangan disampaikan Pengurus Bank Islam Wilayah Selatan, Faisal Jaafar kepada Pengarah Politeknik Port Dickson, Mohd Kharir Mohd Ibrahim.

Faisal berkata, sumbangan itu tanda keprihatinan Bank Islam untuk membantu pelajar institut pengajian tinggi (IPT) yang kurang berkemampuan meneruskan pengajian mereka.

"Ini juga komitmen Bank Islam untuk meringankan beban pelajar serta menyuntik semangat supaya mereka sentiasa bermotivasi menuntut ilmu dan memperoleh kejayaan cemerlang.

"Kami percaya inisiatif ini selaras dengan hasrat Politeknik Port Dickson dan kerajaan membangunkan modal insan yang cemerlang sebagai pelapis pemimpin negara pada masa depan," katanya.

Setakat ini Bank Islam memberi sumbangan zakat sebanyak RM110,000 kepada pelajar kurang berkemampuan di 27 politeknik seluruh negara.

Sementara itu, Mohd Kharir berkata, sumbangan kali itu diterima pelajar politeknik itu dan berharap usaha murni itu bukan saja berturusan, malah jumlah sumbangan bertambah dari semasa ke semasa.

"Walaupun jumlah diterima tidak banyak, tetapi ia mampu mengurangkan beban kewangan mereka untuk tempoh tertentu dan penerimanya adalah di kalangan calon yang benar-benar layak," katanya.

Penerima zakat, Mohd Surya Al-Hilmi Ab Wahab, 24, bersyukur dengan sumbangan diterima dan dipuji kan untuk menampung perbelanjaan seharian.

"Bapa sudah meninggal dunia dan kini adik beradik lain menanggung pengajian saya di sini kerana ibu sudah tua dan tidak mampu bekerja lagi. Saya berjanji akan bersungguh-sungguh dalam pelajaran supaya dapat menamatkan pengajian ini dengan sebaiknya," kata pelajar jurusan Kejuruteraan Awam itu.

> "Walaupun jumlah diterima tidak banyak, tetapi ia mampu mengurangkan beban kewangan mereka untuk tempoh tertentu dan penerimanya adalah di kalangan calon yang benar-benar layak"
>
> Mohd Khir Mohd Ibrahi
> Pengarah Politek Port Dick

Pelajar Kejuruteraan Elektronik, Nor Ashiki Muslim, 23, pula berkata dia kehilangan ibu bapanya sejak lima tahun lalu dan kini disara kakaknya.

"Saya berjanji belajar bersungguh-sungguh bagi membalas pengorbanan kakak yang sanggup menyara saya dan adik beradik lain. Saya juga akan berusaha mencapai cita-cita menjadi seorang juruter untuk mengubah nasib k luarga," katanya.

MNS24
STAMINA
Rabu 01 Jun 2011 sinarharian



ANTARA pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Port Dickson yang mengikuti ceramah Sejarah Seni Bina Negeri Sembilan dan Adat Perpatih di hadapan Muzium Lama Seri Menanti, Kuala Pilah, baru-baru ini.

Pelajar Politeknik Port Dickson dekati Adat Perpatih

KUALA PILAH 1 Feb. – Golongan belia seharusnya diberikan pendedahan sewajarnya untuk memupuk semangat cintakan sejarah warisan, pengamalan Adat Perpatih dan seni bina agar ia tidak hilang dicelan zaman.

Pengerah Lembaga Muzium negeri, Dr. Shamsuddin Ahmad berkata, kekayaan warisan sejarah dan kesukuan budaya merupakan peninggalan khazanah silam yang tinggi nilainya.

"Oleh itu, kesedaran belia terhadap warisan sejarah ini perlu ditonjolkan melalui usaha murni dalam memelihara dan mengangkat warisan sejarah," katanya pada majlis perasmian ceramah sejarah seni bina Negeri Sembilan dan Adat Perpatih di Muzium Lama Seri Menanti di sini, baru-baru ini.

Pada majlis tersebut seramai 112 pelajar fakulti Kejuruteraan Awam Politeknik Port Dickson diberi peluang untuk mendekati pelbagai program kelimuan berkisarkan adat dan seni.

Jelasnya, dalam mengekalkan dan memelihara Adat Perpatih dan seni bina negeri yang terkenal dengan negeri beradat, maka program kelimuan seumpama itu sebaiknya diadakan, di samping dokumentasi dan penerbitan buku.

"Langkah ini diharapkan dapat membangkitkan kesedaran kepada generasi muda hari ini supaya dapat menanam semangat kecintaan terhadap warisan sejarah dan Adat Perpatih walaupun dalam arus perkembangan pesat moden serta persaingan yang hebat," ulasnya.

Katanya, generasi muda perlu memelihara kesemian dan adat ini kerana merekalah bakal pemimpin masa depan.

"Jika bukan mereka siapa lagi yang seharusnya dipertanggungjawabkan untuk mewarisi kesukuan adat itu.

"Melalui pendedahan seperti ceramah, ia dapat membangkitkan semangat rasa cinta kepada adat dan seni bina negerinya sendiri. Selain dapat menambah rasa menghargai warisan sejarah yang sangat tinggi nilainya," katanya.

Beliau menambah, generasi muda juga boleh mendokumentasikan warisan sejarah dan adat dalam apa jua bentuk sebagai bahan kajian untuk penyelidik melalui bidang berkaitan.

"Seperti yang kita ketahui, bidang seni bina memang ada di setiap institusi pengajian tinggi (IPT).

"Maka melalui saluran itu, generasi muda boleh mengaplikasikan ilmu itu dengan mengkaji seni bina negeri ini sekali gus dapat memartabatkannya," katanya.

Pasukan PPD julang piala Sofbal

Tewaskan Politeknik Merlimau Melaka pada pertandingan akhir di gelanggang sendiri

NURULATIO AHMAD BANDI

PORT DICKSON – Kelab Sofbal Politeknik Port Dickson (PPD) kategori perempuan berjaya menjulang piala kejuaraan Sofbal Politeknik Kebangsaan Ke-6 2011 apabila menewaskan Politeknik Merlimau Melaka pada pertandingan peringkat akhir di PPD, baru-baru ini.

Sementara itu, Politeknik Sultan Azlan Shah berada di kedudukan ketiga.

Ketua Pasukan Sofbal PPD, Intan Norsyafikah Abdullah berkata, pasukannya memang bermain untuk menang dan kesungguhan diketakan sepenuhnya bagi memastikan matlamat tersebut tercapai.

Menurutnya, strategi dan perancangan telah disediakan lebih sudah dirancang bersama jurulatih dan pengurus serta keseluruhan anggota pasukan Sofbal.

"Sepanjang sesi latihan untuk menghadapi kejohanan ini juga dijalankan dengan padat dan berjadual, namun tetap memberi kesempatan kepada pengajian kuliah," katanya kepada Sinar Harian ketika ditemui pada kejohanan itu yang dirasmikan oleh Pengarah Politeknik Port Dickson, Mohd Kharir Mohd Ibrahim.

Manakala, kategori lelaki dimenangi Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, tempat kedua milik Politeknik Sultan Azlan Shah dan tempat ketiga milik Politeknik Sultan Ahmad Shah.

Intan berkata, dalam kejohanan itu, semua pasukan pesaing memberikan semangat juang kan pasukan masing-masing berada di dalam kedudukan terbaik.

"Semua pasukan bedorong kepada kami untuk lebih bersemangat sekali gus menjulang piala kemenangan di gelanggang sendiri," katanya, mereka sepasukan sentiasa mengekalkan stamina dengan berlatih setiap hari de-



Mohd Kharir (belakang tiga, kanan) bersama pasukan Softball PPD.

65 warga Politeknik PD kuasai bahasa Arab

PORT DICKSON – Unit Pengajian Islam Politeknik Port Dickson (PPD) mengambil langkah inovasi dengan mengadakan Bengkel Kenali Bahasa Arab untuk warganya.

Bengkel yang disertai 65 peserta melibatkan pensyarah, pelajar dan kakitangan PPD itu berlangsung selama setengah hari dengan kerjasama Universiti Antarabangsa Al-Madinah.

Penyelaras Kursus Bahasa Arab, Yusnizam Yahya berkata, bengkel yang julung kali diadakan di PPD itu akan diadakan berterusan secara berperingkat.

Menurutnya, bengkel itu adalah salah satu usaha untuk terus mencambahkan rasa ingin belajar bahasa Arab dan mengaplikasikannya dalam kehidupan.

"Cumanya ada antara kita tidak menyedari bahawa bahasa Arab itu memang sudah bercambah dalam diri dan



YUSNIZAM

lat dan amalan membaca al-Quran berlandaskan bahasa Arab," katanya ketika ditemui pada bengkel itu yang dirasmikan oleh Pengarah PPD, Mohd Kharir Mohd Ibrahim.

Yusnizam berkata, bengkel itu bertujuan melahirkan peserta yang mampu berkomunikasi dalam bahasa Arab.

"Sekurang-kurangnya apabila peserta berada di negara Arab, dia boleh membawa diri menggunakan kebolehan berbahasa Arab.

"Buat permulaan, bengkel ini lebih menumpukan kepada penggunaan bahasa Arab dalam pengenalan diri atau bercerita tentang diri sendiri dan membina keyakinan untuk menuturkannya di hadapan orang ramai. Kemudian dalam bengkel seterusnya fokus akan diperluas sehinggalah peserta boleh berkomunikasi dengan baik," katanya.

Tanam azam, guna peluang capai kejayaan

TELOK KEMANG 5 Julai – Rata-rata lepasan sekolah yang diterima masuk melanjutkan pengajian ke Politeknik Port Dickson tidak sedar lah, melahirkan rasa syukur serta menanam azam untuk menggunakan peluang tersebut sebaik mungkin untuk berjaya dalam kursus yang ditawarkan.

Menurut seorang pelajar, **Farahatiqah Mohd Adli**, 18, dia berasa amat bertuah kerana diberi peluang meneruskan pengajiannya ke tahap yang lebih tinggi.

"Saya akan belajar bersungguh-sungguh dalam jurusan yang saya minati ini dan saya tidak akan sia-siakan peluang yang diberikan ini.

"Bagi kalau kita lepaskan peluang ini kerana saban hari peluang untuk lepasan sekolah melanjutkan pelajaran mereka ke pusat pengajian tinggi semakin sukar berikutan saingan yang tinggi," katanya yang ditawarkan jurusan kejuruteraan awam.



FARAHATIQAH MOHD ADLI



YAZRUL YAHYA



MASTURI SYUHADAH



NURSYAZWANI DONYA

Tambah Farahatiqah yang merupakan anak bongsu daripada lima adik beradik itu, kesemua adik beradiknya sebelum ini mendapat pengajian di politeknik dan kesemua mereka berjaya dalam kerjaya masing-masing.

"Ini membuatkan saya lebih yakin dengan kemampuan institut ini," ujarnya.

Bagi **Yazrul Yahya**, 26, dia amat gembira diterima masuk selepas tiga kali memohon untuk memasuki politeknik.

"Saya rasa gembira dan bangga kerana dalam persaingan yang banyak, saya terpilih jua akhirnya bagi menuntut ilmu di sini.

"Saya amat minat dengan bidang yang saya mohon ini dan dalam perancangan, saya akan sambung ke peringkat lebih tinggi lagi seperti habis belajar di sini," ujarnya yang ditawarkan kursus kejuruteraan elektrik.

Jelas seorang lagi pelajar yang terpilih untuk melanjutkan ke peringkat diploma di dang kejuruteraan awam, **Syuhadah Yunus**, 18, dengan majuan negara masa kini, merupakan aspek yang amat sekali kerana tanpa ilmu a untuk seseorang itu berjay

"Saya akan lebih foku pelajaran berbanding seb supaya selepas habis men mu di sini, saya akan mer pekerjaan yang baik," ujarn

Menurut **Nursyazwani** 18, pelajar melanjutkan ke politeknik akan digun baik mungkin bagi memas dapat membantu keluarga bila berjaya kelak.

2,259 graduan Politeknik PD terima diploma, sijil

TELUK KEMANG 8 Mac – Seramai 2,259 graduan Politeknik Port Dickson (PPD) di sini menerima diploma dan sijil pada Majlis Konvokesyen ke-20 selama empat hari bermula hari ini.

Sidang pertama yang bermula hari ini menyaksikan lebih 419 graduan daripada bi dang Kejuruteraan nikal dan Perdagan diploma masing-ma

Pada majlis tersel Perakaunan, Nursya dari Kuala Pilah m garah Politeknik dan Nurul Nadiah Shafi Melaka menerima liteknik dan Ketua Ja

Majlis perasmian pumakan oleh Und Datuk Mubarak Doh

Hadir sama, Peng tindak Kesihatan, Sa vasi negeri, Datuk Is

PPD, Mohd. Kharir Mohd. Ibrahim.

Berucap di majlis tersebut, Mubarak m ngingatkan para graduan bahawa masa dep agama, bangsa dan negara ini digalas di bah mereka sebagai generasi yang akan mewari negara.



SEBAHAGIAN graduan bidang Kejuruteraan Awam, Elektrik, Mekanikal dan Perdagangan menerima sijil dan diploma masing-masing bergambar pada Majlis Konvokesyen Politeknik Port Dickson, semalam.

Kemiskinan dorong jadi modal insan cemerlang

TELOK KEMANG – Seramai 25 pelajar Politeknik Port Dickson (PPD) yang menerima wang zakat daripada Bank Islam merupakan antara pelajar dalam pelajaran sesetengah berdaftar kepada masyarakat.

Pelajar, Mohd Surya Al-Hilmi Abd Wahab, 24, berkata, pastinya wang zakat yang diperoleh akan digunakan sebaik mungkan bagi meneruskan perbelanjaan seharian dalam pengajian bahan pelajaran.

Menurutnya, untuk seorang mendapat dana 10 tahun lalu, segala perangkan beban ibunya dan kakak," katanya ketika di temui selepas Majlis Penyerahan Wang Zakat Bank



Faizal menyerahkan replika cek sumbangan wang zakat kepada Mohd Kharir.

nik yang turut memerima bantuan Zakat Bank Islam, Nurashikin Muslim, 23, berkata, wang itu sedikit sebanyak meringankan bebannya.

"Selepas ibu dan ayah meninggal dunia, kakak saya yang bekerja sebagai kerani di sebuah jabatan dari kelompok miskin akan tetap menjadi kesetiaan.

"Bantuan Zakat yang diberikan itu akan digunakan sebaik mungkin dan amat berharga kepada saya sekeluarga, mengingat perjuangan saya bergelar pelajar kurang.

Bank Islam menyalurkan wang zakat sebanyak RM2,000 dan ini merupakan kalang kali bank tersebut melaksanakan tanggungjawab sosial di PPD Wang tersebut disampaikan oleh Pengurus Wilayah Selatan Bank Islam, Faizal Jaafar kepada pelajar.

Faizal berkata, setakat Bank Islam sebanyak RM110,000 kepada pelajar kurang berkemampuan di 27 politeknik seluruh negara.

Manakala, PPD, Mohd Kharir Mohd Ibrahim sumbangan zakat Islam sementarangi sebahagian dari pelajar PPD.

Menurut beliau untuk membantu pelajar PPD dalam aspek bukan

Kursus

Seramai 150 penuntut Politeknik Port Dickson menghadiri kursus perkahwinan anjuran institusi berkenaan bersama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) yang berlangsung selama dua hari.

UTUSAN MALAYSIA – 30 SEPT 2011 (m/s 31)



Memartabatkan tenaga akademik politeknik, kolej komuniti

MENTERI Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin telah melancarkan Kesatuan Kebangsaan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Semenanjung Malaysia (KKPPPTSM) di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan baru-baru ini.

KKPPPTSM ditubuhkan dengan harapan tenaga akademik di politeknik dan kolej komuniti dapat diwakili seiring dengan wawasan serta peranan mereka dalam pengajian tinggi negara.

Kesatuan ini akan memainkan peranan penting dalam memelihara kebajikan tenaga akademik di samping memelihara keharmonian hubungan dengan pengurusan organisasi masing-masing, sekali gus meningkatkan produktiviti kerja mereka.

Usaha ini penting bagi memastikan politeknik dan kolej komuniti mampu mendukung dan menjayakan hasrat Malaysia menjadi sebuah negara maju, makmur dan kompetitif melalui pembangunan modal insan kelas pertama.

22 NS BARAT

Nurulatiq Ahmad Bandi - 019-6203216, Nuraniazila Latif - 019-6202418
Kawasan ini meliputi daerah Seremban, Port Dickson dan Jelebu



Memartabatkan politeknik dan kolej komuniti melalui Skim PPPT

UKAJAYAN Politeknik gemilau menerima diploma pada hari konvokesyen.

"Kriteria kecemerlangan dibahagi kepada tiga bahagian iaitu panel kesepakatan, penilaian pelajar dan penilaian pengadil. Panel kesepakatan mengambil kira kompetensi pegawai dalam empat aspek kesepakatan iaitu teras utama, kepimpinan, pembangunan diri dan sumbangan"

BANGUNAN utama Politeknik Ungku Omar, Ipoh.

Cipta taman guna tenaga hijau

Pelajar PPD realisasi pembinaan projek guna tenaga solar dan angin

PORT DICKSON – Lapan pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektronik (JKE), Politeknik Port Dickson (PPD), bertera membangunkan projek tenaga hijau yang dipanggil Green Technology Park (Taman Teknologi Hijau).

Penyelia Projek, K. Murugan berkata, projek ini dilaksanakan oleh pelajar semester akhir tahun Diploma Kejuruteraan Elektrik (Komputer) dengan menggunakan Sistem Hybrid iaitu tenaga solar dan angin.

"Taman Tenaga Hijau ini mampu menghasilkan 600 watt sehari sekiranya cuaca baik.

"Taman ini turut dilengkapi kolam air pancut yang menggunakan lampu



Green Technology Park yang siap dibangunkan.



Pelajar tekunmenyiapkan tugasan bagi projek akhir mereka.

refleksologi untuk senaman tapak kaki," katanya semasa Perasmian *Green Park* JKE dan Majlis Pra Graduan JKE baru-baru ini.

Menurut Murugan, beberapa projek yang dipamerkan lain tenaga hijau telah dihasilkan oleh kumpulan lain jurusan sama, antaranya *Auto Bin*, *Smart White Board*, *Deco Lingh*, *Auto Hand Wash* dan *Hand Phone Charger*.

tenaga suria kepada tenaga melankol telah lama wujud, kampus.

"Penghasilan projek ini adalah salah satu contoh pembelajaran berasaskan hasil yang ditekankan oleh Kelayakan Ketinggi Malaysia

didik," katanya.

Tambahnya, pelbagai aktiviti dialankan untuk membolehkan mereka memahami konsep pembelajaran tersebut. Sekaligus mengaplikasikannya untuk mereka bentuk Taman Tenaga Hijau.

"Kos membangunkan projek ini mencecah RM7,000 dan dibiayai politeknik dengan menggunakan wang aktiviti pelajar. Taman Tenaga Hijau ini terletak di perkarangan JKE," katanya lagi.

Lapan pelajar yang terlibat dalam projek terbabit adalah Muhammad Azzat Shahuddin, K. Prabu, Aizudin Noh, Mohamad Fazli Mast, Mohamad Zulkair Abu Bocker, Mahizul Madali, Sebu Sakinah Sidek dan Nuraffiza Darahim.



SEBAHAGIAN pelajar dan ibu bapa yang hadir untuk pendaftaran pelajar baru Politeknik Port Dickson bagi sesi Jun 2011 di Dewan Wawasan PPD, Telok Kemang, baru-baru ini. – UTUSAN/KHAIRUL NAJIB ASARULAH KHAN

Terkandung dalam pelan strategik dan transformasi pendidikan KPT

Naik taraf politeknik sebaris IPT

Oleh KHAIRUL NAJIB ASARULAH KHAN
khairul@utusan.com.my

TELOK KEMANG 5 Julai – Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyasarkan penaikan status beberapa politeknik di seluruh negara setaraf dengan institusi pengajian tinggi (IPT) menjelang 2015.

Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik KPT, Mejar (B) Md. Nor Yusof berkata, langkah itu selari dengan perubahan masa, di mana kursus yang ditawarkan di politeknik kini semakin mendekati pasaran kerja.

Menurutnya, lebih menarik, kepasan politeknik juga didapati tidak menghadapi masalah untuk mencari pekerjaan sebaik mereka menamatkan pengajian kerana kumpulan tersebut mempunyai nilai pasaran yang tinggi dalam lingkungan industri masa kini.

"Meskipun ia masih berada di peringkat rancangan, namun inisiatif untuk menaik taraf beberapa politeknik ini telah digerakkan di bawah pelan strategik dan transformasi pendidikan KPT.

"Ini bermakna kita akan berdiri sebaris bersama-sama IPT lain di persada pendidikan negara, sekali gus menjadi serta memikul tanggungjawab sebagai pelopor dalam pendidikan teknikal tempatan," katanya.

Md. Nor berkata demikian pada sesi perjumpaan bersama ibu bapa dan pelajar pada Majlis Pendaftaran Pelajar Baru Sesi Jun 2011 di Dewan Wawasan, Politeknik Port Dickson (PPD) dekat sini, baru-baru ini.

Jelasnya, buat masa ini, sebanyak 22 kursus peringkat diploma ditawarkan di politeknik khusus untuk bersama sekolah melanjutkan pengajian mereka dalam bidang kemahiran.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada para pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke politeknik, PPD ini yang kesemua dibuktikan di negara ini dan sejak ia diwujudkan 20 tahun lalu, ia telah berjaya melahirkan ribuan graduan berkemahiran tinggi.

"Saya percaya dengan komitmen dan usaha berterusan dari kalangan warga kerja PPD ini, kita akan berjaya mencapai sasaran yang ditentukan dalam pelan perancangan strategik 2015," katanya.

Dalam pada itu, Md. Nor menambah, lebih banyak program kerjasama bersepadu antara semua pihak telah dirangka dari semasa ke semasa.

"Program seperti jalinan kerjasama dengan IPT, KPT dan agensi lain samada kerajaan, swasta mahupun pertubuhan bukan kerajaan (NGO) akan dipertingkatkan.

"Ini bertujuan menabitkan minda pelajar terhadap dunia luar agar mereka dapat menyesuaikan diri sebaik mungkin ke alam pekerjaan kelak," katanya.

Bengkel Keusahawanan di Politeknik Port Dickson hari ini

TELUK KEMANG 26 Julai - Seramai 250 orang peserta yang terdiri daripada penuntut semester akhir akan menghadiri Bengkel Keusahawanan anjuran Unit Keusahawanan Politeknik Port Dickson bermula esok hingga 28 Julai ini.

Pengarah Politeknik Port Dickson, Mohd. Kharir Mohd. Ibrahim berkata, program berkenaan akan melibatkan enam buah politeknik di Zon Selatan terdiri daripada Politeknik Port Dickson (PPD); Politeknik Nilai, Negeri Sembilan (PNS); Politeknik Merlimau, Melaka (PMM); Politeknik Kota Melaka (PKM); Politeknik Johor Bahru (PJB); dan Politeknik Mersing, Johor (PMJ).

Beliau juga menjelaskan, program yang diadakan itu bertujuan memberi pendedahan kepada semua peserta mengenai asas keusahawanan selain menanam minat mereka dalam bidang itu.

Sun Malaysia - 27 JULAI 2011



Dari kiri : **EN. NAGARAJAN MARIMUTHU** (KETUA EDITOR), **EN. CHARIM IBRAHIM** (PENASIHAT LEMBAGA EDITOR), **PN. IZAWATI @ SITI ZAWIYAH ISA** (TIMBALAN KETUA EDITOR)



Dari kiri : **PN. NORAINI KAMARUDDIN** (EDITOR), **PN. ROSIMAH SOAD** (EDITOR), **CIK AMIRA HARIYATI RUZAIDI** (SETIAUSAHA), **EN. AZRIN MOHAMMAD** (PEREKA), **CIK NURUL ATIQAH BASRI** (PEREKA), EN. MOHD SANI MASLON (JURUFOTO)



Dari kiri : **DR. ALIAS MAT SAAD** (EDITOR), **PN. FARAH DEBA AYEOP ABDUL KHALIL** (EDITOR), **DR. ZURAIDAH AHMAD** (EDITOR), **EN. ABD LATIFF HYDROS** (EDITOR), **PN. SITI BALQIS ABDUL KADIR** (EDITOR), **EN. AHMAD ZAILANI AHMAD** (EDITOR)



Dari kiri : **PN. SHAIFATULNA'IM SHAMSUDDIN** (EDITOR), **PN. ZURIANA MOHAMED** (EDITOR), **PN. HERDAWATI BOHARI** (EDITOR), **EN. ZAHRIL HARUN** (EDITOR), **PN. AZILAH ASRI** (EDITOR), **EN. MAWARDI YUSOFF** (EDITOR)



Dari kiri : **PN. NAZATULSHIMA MUSTAFAR** (PENTERJEMAH), **EN. MOHD AFDZAL MOHD RAFLE** (EDITOR), **EN. MOHD NORALIMI MOHD ALI** (EDITOR), **CIK NURUL HUDA MOHD SHAHRUDIN** (EDITOR), **CIK NUR REBECCA QALEESYA MICHAEL** (EDITOR), **PN. ROZIAH MOHD SHARIFF** (EDITOR)


POLITEKNIK
Port Dickson
Jabatan Pengajian Politeknik

Penghargaan

" Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menghasilkan Laporan Tahunan Politeknik Port Dickson bagi Tahun 2011 "

Autograf

00030296


TARIKH DIPULANGKAN
(DATE DUE)

POLITEKNIK PORT DICKSON
KM 14 JALAN PANTAI
71050 SI RUSA
PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN
TEL : 06-6622000 / 06-6622111
FAX : 06-6622026 / 06-6622027

http://www.polipd.edu.my

LAPORAN TAHUNAN 2011

ISSN 2229-8428